



**HongLeong Assurance**

**DANA BERKAITAN-PELABURAN HLA**

Laporan Prestasi Dana

bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2020

## Kandungan

	<b>Halaman</b>
Utusan Ketua Pegawai Eksekutif	2 - 3
Objektif & Strategi Dana	4 - 8
Ulasan Pelaburan	9 - 10
Tinjauan Pelaburan	11
Prestasi Dana Sebanding	12 - 65
Butiran Pelaburan	66 - 86
Penyata Pengarah	87
Laporan Juruaudit Bebas	88 - 94
Penyata Aset dan Liabiliti	95 - 105
Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan	106 - 116
Penyata Perubahan dalam Nilai Aset Bersih	117 - 127
Nota-nota Informasi Kewangan	128 - 132

## Perutusan Ketua Pegawai Eksekutif

Kepada semua pemegang polisi yang dihargai:

Sekali lagi, dengan sukacitanya kami membentangkan Laporan Tahunan Dana Berkaitan Pelaburan HLA bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2020. Tahun ini dimulai dengan tindakan bersama bank pusat global mengambil pendekatan yang kurang agresif ke atas kadar manakala keseluruhan tahun boleh dirangkumkan dalam dua peristiwa penting iaitu ketegangan antara AS dan China, diikuti dengan meletusnya wabak Covid-19. Walaupun begitu, kami dengan bangga mengumumkan bahawa sebahagian besar dana kami telah mengatasi penanda aras mereka walaupun menghadapi tahun yang mencabar.

Sejak tercetusnya perang perdagangan AS-China pada tahun 2018, hubungan antara kedua-dua negara telah merosot dengan ketara berlatarbelakangkan ketegangan yang menunggu masa untuk meletus. Apa-apa berita daripada mana-mana pihak hampir pasti menyebabkan pergolakan di pasaran. Pengumuman oleh AS mengenai penangguhan kenaikan tarif pada bulan Disember dan pengurangan tarif September sebanyak setengah menyebabkan pasaran melantun kembali pada akhir 2019. Kesan limpahan menyebabkan pasaran mengambil sikap positif untuk 2020, menempatkan lebih banyak lagi nama pro-kitaran.

Namun optimisme ini terbantut disebabkan penularan Covid-19 yang belum pernah terjadi sebelum ini. Kebimbangan mengenai kesan ekonomi yang tidak diketahui berikutan sekatan pergerakan yang dilaksanakan menyebabkan penjualan dalam pasaran pada bulan Mac ketika virus terus merebak dengan pantas ke serata dunia, dan mencapai kemuncaknya apabila Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) mengisytiharkan Covid-19 sebagai pandemik. Pelabur-pelabur dengan segera meminta pemulihan berbentuk U, menyebabkan banyak kerajaan di seluruh dunia bertindak melancarkan pakej rangsangan yang besar yang mana puratanya adalah >10% daripada KDNK.

Di persekitaran tempatan, kerajaan mengambil tindakan segera dengan melancarkan langkah-langkah rangsangannya untuk membantu rakyat berdepan dengan tempoh yang sukar ini. Bank Negara Malaysia juga memainkan peranannya dengan terus mengurangkan kadar dasar semalaman (OPR) sebanyak 100 mata asas secara keseluruhannya dalam tempoh di bawah semakan, menjadikan OPR berada pada paras terendah dalam sejarah. Ini dilakukan untuk menyokong peningkatan aktiviti ekonomi dan memastikan kecairan yang mencukupi di pasaran. Dengan ini, penyertaan runcit untuk pertama kalinya selama bertahun-tahun kembali ke pasaran sebelum pelabur institusi mengikutinya untuk mengambil pasaran lebih tinggi untuk pemulihan bentuk-V.

Di HLA, kami mengambil pendekatan untuk sentiasa memanfaatkan tempoh yang mencabar dan penyusutan pasaran untuk mempertingkatkan dan membina portfolio kami untuk jangka panjang. Strategi ini memastikan prestasi lebih baik dalam jangka panjang dan menyokong komitmen kami untuk membantu anda mencapai matlamat kewangan anda.

Di samping itu, HLA telah memulakan satu siri Program Sokongan Bantuan Covid-19, termasuk Manfaat Khas Ganda Percuma yang menawarkan pendapatan kemasukan ke hospital dan tunjangan belas kasihan kepada pemegang polisi perubatan individu kami tanpa kos tambahan. Selain itu, kami juga menawarkan Pilihan Penangguhan Premium kepada pelanggan yang terjejas untuk meringankan komitmen kewangan mereka dalam tempoh percubaan ini. Ini adalah cara kami untuk menjamin komitmen kami terhadap kesejahteraan anda semasa pandemi Covid-19 ini.

## Perutusan Ketua Pegawai Eksekutif

Akhirnya, kami ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan atas sokongan dan kepercayaan berterusan anda yang telah memperkasakan kami untuk menjadi salah satu syarikat insurans terbesar di Malaysia, memenangi pelbagai anugerah antarabangsa, iaitu Penanggung Insurans Hayat Dalam Negeri - Malaysia oleh Anugerah Insurans Perbankan dan Kewangan Asia di Asia setiap tahun dari tahun 2016-2020, Syarikat Insurans Hayat Terbaik – Malaysia masing-masing oleh Anugerah Kewangan Antarabangsa 2017, 2018 & 2019 dan Anugerah Insurans Global Kewangan 2017 serta Anugerah Jenama Paling Bernilai oleh Anugerah BrandLaureate BestBrands 2016-2017. Pengiktirafan ini tidak mungkin dapat kami kecapai tanpa pemegang polisi kami yang setia dan kami berharap akan dapat terus diberikan keistimewaan ini untuk menyediakan perlindungan di setiap peringkat kehidupan anda.

Kesimpulannya, saya ingin sekali lagi mengucapkan terima kasih kerana terus mempercayai HLA dan memilih kami sebagai syarikat insurans pilihan anda. Kami akan sentiasa berusaha meningkatkan standard kecemerlangan dan komitmen kami dalam menyampaikan produk dan perkhidmatan terbaik untuk memperkaya kehidupan anda.

Loh Guat Lan  
Ketua Pegawai Eksekutif

## Objektif & Strategi Dana

### **DANA HLA VENTURE GROWTH**

Objektif Dana HLA Venture Growth adalah untuk mencapai pulangan yang lebih tinggi daripada pasaran saham umum dengan melabur dalam saham pertumbuhan yang berpotensi untuk menjana pulangan lebih tinggi.

Dana ini memberi tumpuan kepada saham pertumbuhan yang tersenarai di Bursa Malaysia dan/atau di mana-mana bursa saham asing yang berpotensi untuk memberi peningkatan modal yang lebih tinggi.

### **DANA HLA VENTURE BLUE CHIP**

Objektif Dana HLA Venture Blue Chip adalah untuk mencapai pulangan yang setanding dengan pasaran saham umum dengan mengambil risiko purata, dengan tumpuan kepada "saham mewah" yang dipermodalkan dengan baik serta mempunyai kewangan kukuh untuk mencapai keseimbangan peningkatan modal dan pendapatan dividen.

Dana ini membolehkan penyertaan dalam pasaran saham tanpa mengambil risiko berlebihan dengan memberi tumpuan kepada "saham mewah" yang kukuh secara fundamental yang tersenarai di Bursa Malaysia dan/atau di mana-mana bursa saham asing. Dana ini sesuai untuk pelabur yang mempunyai toleransi risiko sederhana dan menjangkakan pulangan yang setanding dengan pasaran seperti yang diwakili oleh Indeks Komposit Kuala Lumpur FTSE Bursa Malaysia (FBM KLCI).

### **HLA VENTURE DANA PUTRA**

Objektif HLA Venture Dana Putra adalah untuk mencapai pertumbuhan modal dalam jangka sederhana hingga panjang.

Dana ini melabur dalam sekuriti dan instrumen pasaran wang yang patuh Syariah . Ini merupakan dana seimbang dengan profil risiko sederhana.

### **DANA HLA VENTURE INCOME**

Objektif Dana HLA Venture Income adalah untuk memastikan sebaik-sebaik prinsipal sentiasa selamat di samping memperoleh pendapatan tetap dengan melabur dalam instrumen pendapatan tetap. Pulangan adalah setanding dengan kadar faedah semasa, dan sehubungannya risiko adalah lebih rendah daripada pelaburan ekuiti.

Dana ini memberi tumpuan kepada sekuriti pendapatan tetap dan instrumen pasaran wang, dengan penanda aras diletakkan pada kadar deposit tetap 3-bulan Maybank. Dana ini sesuai untuk pelabur yang mempunyai profil risiko rendah hingga sederhana.

## Objektif & Strategi Dana

### **DANA HLA VENTURE MANAGED**

Objektif Dana HLA Managed Venture adalah untuk memberi pelabur prospek peningkatan nilai modal jangka panjang menerusi kepelbagaian dalam pelbagai instrumen modal termasuk ekuiti, sekuriti kerajaan, sekuriti hutang swasta, instrumen pasaran wang dan aset asing serta derivatif. Dana ini bertujuan untuk mengatasi prestasi penanda aras yang merangkumi Indeks Komposit Kuala Lumpur FTSE Bursa Malaysia (FBM KLCI) dan kadar deposit tetap 12-bulan Maybank dalam nisbah 50:50.

Dana ini akan melabur dalam kedua-dua pasaran pendapatan tetap dan pasaran ekuiti dengan penanda aras diletakkan pada Indeks Komposit Kuala Lumpur FTSE Bursa Malaysia (FBM KLCI) dan kadar deposit tetap 12-bulan Maybank dalam kadar yang sama. Dana ini sesuai untuk pelabur yang bersedia mengambil risiko sederhana.

### **DANA HLA VENTURE GLOBAL**

Objektif Dana HLA Venture Global adalah untuk memberikan para pelabur pertumbuhan mantap dan pulangan pendapatan konsisten dalam jangka sederhana hingga jangka panjang dengan melabur ke dalam ekuiti global.

Dana ini pada mulanya akan melabur tetapi tidak terhad dalam Dana Hong Leong Asia Pasific Dividen dan Dana Hong Leong Strategic yang menggunakan ekuiti, pendapatan tetap dan instrumen pasaran wang sebagai aset pendasar. Dana ini akan berusaha untuk mempelbagaikan pelaburannya secara geografi dan mengikut kelas aset iaitu ekuiti global syarikat-syarikat yang terlibat dalam pengestrakan, pemprosesan, pengangkutan dan pengedaran sumber asli, ekuiti hasil dividen yang tinggi di rantau Asia Pasifik (tidak termasuk Jepun), ekuiti global dan/atau ekuiti tempatan.

### **DANA HLA VENTURE FLEXI**

Objektif Dana HLA Venture Flexi adalah untuk memberikan peluang kepada para pelabur menikmati peningkatan nilai modal jangka sederhana hingga panjang daripada tema sektor dan pelaburan semasa di pasaran ekuiti Malaysia.

Dana ini akan diurus secara aktif, bertukar ganti di antara sektor yang dianggap akan meraih manfaat paling tinggi pada mana-mana masa tertentu, dan akan terdiri daripada beberapa Sektor Teras dan Sektor Perdagangan/Tukar Ganti yang akan berbeza-beza bergantung kepada suasana pasaran semasa. Strategi ini adalah untuk mengenal pasti tema dalam fasa awal untuk mempermodalkan pertumbuhannya. Dana ini sesuai untuk pelabur agresif yang sanggup mengambil risiko lebih tinggi dan ingin mendapatkan pulangan yang lebih tinggi daripada portfolio pelbagai dengan peluang pelaburan bertema.

## Objektif & Strategi Dana

### DANA-DANA HLA EVERGREEN

Dana ini dirangka untuk memberikan pelabur perlindungan prinsipal dan keuntungan dipertingkatkan melalui pelaburan yang sistematik dalam strategi jual beli berbilang aset (ekuiti, mata wang, faedah, komoditi, harta, strategi dana lindung nilai) yang terpelbagai secara global.

Strategi pelaburan utama dilaksanakan melalui metodologi pengoptimuman portfolio. Dana ialah dana terbuka dengan tarikh matang ditetapkan. Pelaksanaan pelaburan dicapai melalui Instrumen Deposit Boleh Niaga Kadar Terapung (FRNID) yang dikeluarkan oleh CIMB Bank Berhad. Bagi FRNID ini, prinsipal dilindungi pada tempoh matang oleh CIMB Bank. FRNID secara dinamik menyesuaikan pendedahannya kepada strategi, seperti mengurangkan pendedahan apabila strategi itu mempunyai prestasi negatif dan meningkatkan pendedahan apabila ia mempunyai prestasi positif.

### DANA HLA CASH

Dana ini bertujuan menyediakan perlindungan keselamatan yang tinggi terhadap prinsipal dan pulangan yang tetap kepada pelabur dengan melabur dalam instrumen pasaran wang. Pulangan akan setanding dengan kadar dasar semalaman semasa, sehubungannya risiko jauh lebih rendah daripada pelaburan ekuiti.

Dana ini boleh ditempatkan dengan mana-mana institusi kewangan berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, yang ditentukan oleh pengurus dana.

### DANA HLA SECURE

Objektif Dana HLA Secure adalah untuk menyediakan pelabur dengan pulangan mantap dan konsisten dalam ufuk pelaburan jangka panjang dengan melabur dalam sekuriti pendapatan tetap dan ekuiti tempatan dan global.

Strategi ini adalah untuk menyediakan peluang kepada para pelabur mampu untuk melabur dalam portfolio pelaburan terpelbagai dengan gabungan ekuiti dan instrumen pendapatan tetap. Dana akan melabur terutamanya dalam instrumen pendapatan tetap seperti bon, instrumen pasaran wang, repo dan deposit dengan institusi kewangan yang menyediakan pendapatan tetap serta saham hasil dividen tinggi untuk meningkatkan pulangan dana. Keputusan peruntukan aset antara instrumen pendapatan tetap dan ekuiti ditentukan selepas mempertimbangkan prospek pasaran pendapatan tetap dan ekuiti dalam jangka sederhana hingga panjang. Pada mulanya dana akan melabur dengan disasarkan dalam Dana Affin Hwang Select Income (Dana Sasaran), dengan pilihan untuk meningkatkan bilangan dana atau menggantikan Dana Affin Hwang Select Income dengan dana lain pada masa akan datang.

## Objektif & Strategi Dana

### DANA HONG LEONG SMART GROWTH

Objektif utama dana adalah untuk memberikan para pelabur pertumbuhan modal jangka panjang yang mantap pada risiko yang sederhana.

Strategi ini adalah untuk membolehkan pelabur melabur dalam portfolio terpelbagai merangkumi saham pertumbuhan yang tersenarai di Bursa Malaysia dan/atau di mana-mana bursa saham asing yang menawarkan potensi peningkatan nilai modal pada risiko sederhana. Dana mungkin melabur dalam skim pelaburan kolektif yang memenuhi objektif dana. Pada permulaannya, HLSGF akan melabur dengan disasarkan dalam Dana Kenanga Growth (Dana Sasaran) dengan pilihan untuk meningkatkan bilangan dana atau menggantikan Dana Sasaran pada masa hadapan. Aset Dana Sasaran dilaburkan secara aktif dalam portfolio terpelbagai merangkumi ekuiti dan sekuriti berkaitan ekuiti di Malaysia yang mempunyai model perniagaan yang mampan yang didagangkan pada harga diskaun berbanding nilai intrinsiknya.

### HLA DANA SURIA

HLA Dana Suria membolehkan para pelabur melabur dengan kos berpatutan ke dalam portfolio pelaburan terpelbagai yang menawarkan pulangan mantap dan konsisten ke atas pelaburan jangka panjang dengan melabur dalam ekuiti tempatan dan global serta sekuriti pendapatan tetap yang mematuhi keperluan Syariah.

Pada permulaannya, Dana akan melabur dengan disasarkan dalam Hong Leong Dana Maa'rof dan HLA Venture Dana Putra (Dana Sasaran) dengan pilihan untuk meningkatkan bilangan dana atau menggantikan Dana Sasaran pada masa hadapan. Umumnya, Dana Sasaran memilih syarikat bawah nilai yang berpotensi untuk menawarkan pertumbuhan modal Jangka Sederhana hingga Panjang yang baik. Dari segi instrumen pendapatan tetap, pemilihan banyak bergantung pada kualiti kredit untuk memastikan ketentuan lebih baik dalam pendapatan keuntungan, pembayaran prinsipal, dan kestabilan pulangan keseluruhan.

### DANA HLA VALUE

Objektif Dana HLA Value adalah untuk mencapai peningkatan modal yang besar dengan melabur dalam syarikat-syarikat yang diurus dengan baik dan kewangan stabil dan bawah nilai atau pada nilai diskaun yang tinggi berbanding nilai aset ketara bersih mereka.

Strategi ini adalah untuk membolehkan pelabur melabur dalam portfolio terpelbagai merangkumi saham bernilai yang tersenarai di Bursa Malaysia dan/atau di mana-mana bursa saham asing yang menawarkan potensi peningkatan nilai modal. Dana mungkin disasarkan dalam skim pelaburan kolektif yang memenuhi objektif dana. Pada permulaannya, dana akan melabur dengan disasarkan dalam Dana Hong Leong Penny Stock (Dana Sasaran) di samping mempunyai pilihan untuk meningkatkan bilangan dana atau menggantikan Dana Sasaran pada masa hadapan. Dana Sasaran akan melabur dengan strategi pelaburan bernilai dalam pelbagai sekuriti ekuiti bagi semua paras permodalan pasaran bagi syarikat-syarikat yang beroperasi di Malaysia. Umumnya, syarikat-syarikat yang dipilih mempunyai penilaian pada harga diskaun terhadap pasaran dan/atau sektor sebanding dengannya. Di samping itu, Dana Sasaran juga boleh melabur dalam saham dengan permodalan pasaran sehingga RM1 bilion yang tidak diberi liputan oleh firma penyelidikan ekuiti dan broker saham.



## Objektif & Strategi Dana

### DANA HONG LEONG SMART INVEST

Objektif utama Dana Hong Leong SMART Invest adalah untuk mencapai peningkatan modal yang besar dengan melabur dalam syarikat-syarikat yang diurus dengan baik dan mempunyai kewangan stabil serta bawah nilai atau pada nilai diskaun yang tinggi berbanding nilai aset ketara bersih mereka.

Strategi ini adalah untuk membolehkan pelabur melabur dalam portfolio terpelbagai merangkumi saham bernilai yang tersenarai di Bursa Malaysia dan/atau di mana-mana bursa saham asing yang menawarkan potensi peningkatan nilai modal. Dana secara prinsipnya akan disasarkan dalam skim pelaburan kolektif yang memenuhi objektif dana. Pada permulaannya, dana akan melabur dengan disasarkan dalam Dana Hong Leong Penny Stock (“Dana Sasaran”) di samping mempunyai pilihan untuk meningkatkan bilangan dana atau menggantikan Dana Sasaran pada masa hadapan. Dana Sasaran akan melabur dengan strategi pelaburan bernilai dalam sekuriti ekuiti bagi semua paras permodalan pasaran bagi syarikat-syarikat yang beroperasi di Malaysia. Umumnya, syarikat-syarikat yang dipilih dianggap dinilai pada harga diskaun terhadap pasaran dan/atau sektor sebanding dengannya. Di samping itu, Dana Sasaran juga boleh melabur dalam saham dengan permodalan pasaran sehingga RM1 bilion yang tidak diberi liputan oleh firma penyelidikan ekuiti dan broker saham.

### DANA HLA HORIZON

Dana ini direka untuk menawarkan kepada pelanggan Harga Unit Terjamin Minimum pada tempoh matang dana dan pada masa yang sama menawarkan peluang untuk meningkatkan pulangan melalui pendedahan yang memanfaatkan. Dana dengan secara berkala akan mengunci sebahagian daripada keuntungan (10 tahun selepas pelancaran dana) dan dengan itu meningkatkan Harga Unit Terjamin Minimum pelanggan pada tempoh matang dana.

Dana merupakan dana terbuka dengan tiga tarikh matang untuk memenuhi keperluan perancangan kewangan pelanggan: Horizon28 akan matang pada Tahun 2028, Horizon38 pada Tahun 2038 dan Horizon48 pada Tahun 2048.

Dana akan melabur dalam Instrumen Deposit Boleh Niaga Kadar Terapung (FRNID). FRNID diperuntukkan kepada dua komponen utama: Strategi Pengoptimuman Varians Min (MVO) dan Instrumen Deposit Boleh Niaga Kupon Sifar (ZNID).

Untuk meningkatkan pulangan pelaburan, Strategi MVO akan dimanfaatkan sebanyak 3 kali. Strategi MVO ini menggunakan Efficient Frontier untuk mencari pulangan portfolio optimum bagi risiko yang ditetapkan, yang mengehadkan turun naik bakul kepada sekitar 8%. Portfolio ini terdiri daripada 4 kelas aset:

- (i) 4 indeks ekuiti (S&P500, Euro Stoxx 50, Hang Seng China Enterprises, MSCI Emerging Market),
- (ii) 2 indeks bon (Franklin Templeton & PIMCO),
- (iii) Indeks Emas Spot
- (iv) Indeks tunai

## Ulasan Pelaburan

### Pasaran Ekuiti

Indeks Komposit FBM Kuala Lumpur (1 Julai 2019 – 30 Jun 2020)



Source: CLSA

Bagi tahun kewangan 2020, Malaysia terjejas dalam tiga arah; ketegangan AS-China, Covid-19 dan ketidakpastian politik. Tetapi daripada ketiganya, ketidakpastian politik terus menjadi salah satu kebimbangan utama bagi pelabur asing untuk kembali ke pasaran kita. Dengan momentum pendapatan yang lebih rendah berbanding negara lain di rantau ini, Malaysia juga berada pada kelompok penilaian yang lebih mahal, menjadikan pasaran kita tidak menarik.

Walau bagaimanapun, Malaysia bernasib baik semasa tempoh sekatan pergerakan kerana pelabur runcit akhirnya kembali ke pasaran ekuiti apabila kadar simpanan tetap hampir mencecah paras terendah dalam sejarah berikutan pengurangan OPR oleh Bank Negara Malaysia (BNM). Ini juga merupakan kali pertama setelah sekian lama kita menyaksikan pelabur runcit membuat pembelian saham-saham dengan penilaian yang rendah di pasaran sebelum pelabur institusi turut serta yang melonjakkan pasaran. Pasaran terus disokong oleh tindakan SC dan Bursa yang secara bersama mengumumkan penggantungan jualan singkat dengan para pelabur menemukan sedikit keselesaan dalam pasaran yang dijangka kurang turun naik. Hasilnya, Bursa mencatatkan nilai dagangan purata harian yang memberangsangkan sebanyak RM3.6 bilion sehari sejak sekatan pergerakan dilaksanakan dan momentum ini telah berterusan.

Perkembangan terbesar dalam pasaran tempatan sepanjang tempoh yang terumbang ambing ini adalah perubahan struktur FBM KLCI dengan dominasi oleh pengusaha sarung tangan tempatan. Menyumbang sekitar 65% bahagian pasaran, lonjakan dalam permintaan sarung tangan telah menyaksikan kapasiti pengeluaran mencecah maksimumnya dan peningkatan dalam harga jualan. Pengusaha sarung tangan kini adalah lebih besar daripada kebanyakan bank tersenarai dan akan melaporkan pendapatan luar biasa pada masa depan yang telah menyumbang kepada rali dalam syarikat tersenarai.

KLCI yang bergantung kepada sektor kewangan merosot sebanyak 10.24% dalam tempoh di bawah semakan untuk ditutup pada paras 1,500.97 mata.

## Ulasan Pelaburan

### Pasaran Pendapatan Tetap

Bagi portfolio pendapatan tetap, tahun kewangan di bawah semakan merupakan satu lagi tahun yang tidak menentu dan penuh kejutan. Sepanjang tahun ini, bank-bank pusat di seluruh dunia, diterajui oleh AS, menjadi semakin akomodatif dan pasaran tidak stabil menunggu pernyataan dibuat oleh bank-bank pusat utama. Ketika pasaran menjangkakan akan dapat menarik nafas kelegaan berikutan pengumuman perjanjian perdagangan Fasa 1 yang sangat dinanti-nantikan, dunia dilanda pandemik virus korona yang menyebabkan krisis ekonomi mengakibatkan bank-bank pusat di seluruh dunia tergesa-gesa memotong kadar faedah dan melaksanakan program pelonggaran kuantitatif. Bulan Februari dan Mac menjadi salah satu tempoh paling tidak stabil dalam sejarah apabila penularan virus korona mengakibatkan penjualan dalam hampir semua kelas aset kecuali US Treasury. Walau bagaimanapun, kesan tersebut tidak berpanjangan apabila pihak berkuasa di seluruh dunia memberikan sokongan besar tepat pada masanya dengan menawarkan sokongan kewangan dan fiskal yang belum pernah terjadi sebelum ini untuk mengurangkan kesan ekonomi yang teruk daripada krisis ekonomi yang berpunca daripada virus korona. Berlainan dengan sokongan monetari dalam krisis masa lalu, Fed mengejutkan pasaran dengan berikrar untuk melakukan apa sahaja yang diperlukan untuk menenangkan keadaan panik dalam pasaran kewangan. Ikrar tersebut bukan setakat untuk kertas gred pelaburan malah hingga ke pasaran hasil tinggi.

Tahun kewangan berakhir dengan suku yang suram ketika dunia sedang berjuang dengan gelombang kedua kesan pandemik terhadap ekonomi di seluruh dunia. Pergerakan besar dalam pasaran pendapatan tetap di seluruh dunia adalah disebabkan oleh berita mengenai peningkatan kes di ekonomi utama, diikuti dengan percubaan vaksin serta penutupan ekonomi secara mandatori untuk membendung penyebaran virus. Secara keseluruhannya, dunia mula menyedari bahawa persekitaran dengan kadar rendah bukan lagi sementara tetapi mungkin merupakan normal baharu yang harus ditempuhi oleh komuniti pelaburan.

Dinamik pasaran di pasaran tempatan tertumpu pada kemungkinan Sekuriti Kerajaan Malaysia ("MGS") dikecualikan daripada Indeks Bon Kerajaan Sedunia FTSE Russell yang diikuti secara meluas serta pengurangan wajaran Malaysia dalam Indeks Bon Kerajaan-Pasaran Baru Muncul JP Morgan di samping perkembangan luaran yang disebutkan di atas. Berbanding dengan negara-negara lain di rantau ini, negara ini turut dibebani masalah tambahan berpunca daripada penurunan harga minyak mentah dan ketidakpastian politik dalam negeri. Sepanjang tahun kewangan di bawah semakan, BNM telah mengurangkan OPR sebanyak 100 mata asas kepada 2% bagi memberikan sokongan yang diperlukan untuk pertumbuhan ekonomi Malaysia di tengah-tengah penularan Covid-19 di seluruh dunia yang telah menyebabkan sekatan pergerakan ekonomi dilaksanakan. Dari segi fiskal, kami juga menyaksikan kerajaan melancarkan pakej rangsangan untuk membantu perniagaan dan rakyatnya mengharungi waktu yang sukar ini berpunca daripada penularan Covid-19. Ketika kita menghampiri penghujung tahun kewangan, S&P Global Ratings telah menyemak semula tinjauannya terhadap kedaulatan Malaysia menjadi negatif untuk mencerminkan risiko penurunan tambahan terhadap metrik fiskal kerajaan berikutan suasana ekonomi global yang lemah dan ketidakpastian dasar yang meningkat.

## Tinjauan Pelaburan

### Pasaran Ekuiti

Menuju penghujung tahun 2020, kami menjangkakan pasaran ekuiti global akan tetap bergolak di tengah-tengah ketegangan AS-China menjelang pilihan raya presiden AS dan potensi gelombang baru Covid-19 yang mengakibatkan sekatan pergerakan baru di seluruh dunia. Oleh yang demikian, pasaran akan terus memerhatikan kelangsungan pemulihan dengan tumpuan khusus ke atas pengumuman pendapatan untuk suku ketiga 2020 kerana ia akan menjadi suku pertama setelah sekatan pergerakan mula dilonggarkan di seluruh dunia. Ini bertepatan dengan pengurangan dalam subsidi seperti moratorium pinjaman dan sokongan gaji, yang kemudian akan mencerminkan kekuatan sebenar ekonomi. Sekiranya pemulihan pada asas adalah kukuh, pasaran berkemungkinan akan kembali ke arah positif pada akhir 2020/21.

Kami menjangkakan pasaran untuk terus menumpukan perhatian pada dua trend, iaitu, sektor berkaitan teknologi dan sektor berkaitan kebersihan, kerana permintaan telah meningkat sejak penularan pandemik ini. Tetapi, antara keduanya, perolehan daripada sektor teknologi adalah lebih kukuh kerana lebih ramai penduduk beralih untuk bekerja dari rumah. Oleh itu, kami percaya bahawa tema teknologi 5G akan mendapat daya tarikan dengan cepat kerana 5G secara amnya disifatkan oleh para peserta pasaran sebagai kuasa revolusi akan datang di seluruh dunia apabila ia dikomersialkan sepenuhnya. Bukan sekadar meningkatkan dengan ketara kelajuan pemindahan data dengan lengahan rendah, ia juga akan menjadi teknologi teras yang memungkinkan pengembangan model perniagaan baru (seperti IoT, pemacuan autonomi, perindustrian 5G+, permainan AR/VR, perkhidmatan penjagaan kesihatan dalam talian), dan mungkin akan membentuk semula bagaimana perniagaan akan dijalankan dan bagaimana orang ramai menjalani kehidupan mereka pada masa depan.

Di Malaysia, kita telah menyaksikan pengusaha teknologi membangunkan kepakaran mereka secara besar-besaran, memberikan khidmat kepada pengusaha terkemuka dunia dalam industri semikonduktor, daripada pembungkusan canggih kepada reka cipta penyelesaian pengujian khusus yang merupakan aspek penting dalam pelancaran infrastruktur dan aplikasi 5G. Oleh itu, kami percaya bahawa sektor teknologi di Malaysia seharusnya menyediakan latar belakang struktur berjangka panjang yang menyediakan banyak peluang pelaburan untuk menghasilkan pulangan yang tinggi.

Pasaran Malaysia secara keseluruhan didagangkan pada nilai yang wajar bersandarkan pertumbuhan pendapatan korporat yang sangat bergantung pada kekuatan pemulihan. Sebarang penurunan harga di pasaran ekuiti Malaysia akan menjadi titik permulaan yang baik kerana kami tetap positif terhadap ekonomi Malaysia dalam jangka sederhana berikutan pendirian kerajaan baharu yang pro-perniagaan.

### Pasaran Pendapatan Tetap

Dengan perkembangan terkini pandemik Covid-19, kami menjangkakan kelembapan ekonomi yang berterusan kerana pandemik global menyebabkan pembukaan semula ekonomi utama tertunda lebih lama. Di seluruh dunia, kita akan mula melihat angka ekonomi dan gelombang pendapatan korporat terburuk dalam beberapa dekad. Sebarang kejutan negatif dijangka akan mengembalikan kemaruapan pasaran. Walaupun begitu, kejutan positif diharap boleh mendorong aliran keluar daripada pelaburan selamat kepada pelaburan aset yang lebih berisiko.

Di pasaran tempatan, ketiadaan pemangkin telah mendesak keluk MGS menurun lebih rendah, manakala risiko penawaran dan penarafan semakin melembapkan lagi prospek rali MGS. Mengambil kira pemotongan kadar pada awal bulan Julai, BNM setakat ini telah menurunkan OPR sebanyak 125 mata asas secara keseluruhannya kepada 1.75% pada waktu laporan ini dibuat, dan kami berpendapat bahawa desakan untuk menurunkan lagi kadar untuk baki tahun ini telah berkurang. Selepas dua semakan ke atas tinjauan penarafan kedaulatan Malaysia daripada stabil kepada negatif, pasaran pasti akan terus memerhati sama ada Moody's akan mengikuti jejak ini dan sekiranya ia berlaku, kami menjangkakan reaksi yang lebih besar berbanding dengan tindakan S&P Global Ratings baru-baru ini. Oleh itu, kami akan menggunakan pendekatan pengurusan aktif dalam strategi pelaburan kami. Kami berhasrat untuk memanfaatkan kelemahan di pasaran berdaulat tempatan untuk mengunci hasil yang menarik dan mengambil keuntungan secara strategik apabila pasaran berdaulat tempatan berubah bulis.

# Prestasi Dana Sebanding

Bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2020

## DANA HLA VENTURE GROWTH


Bagi tempoh kewangan di bawah semakan, penanda aras FBMKLCI mencatatkan penurunan 10.24% disebabkan oleh peningkatan ketegangan perdagangan AS-China dan penularan COVID-19. Bursa tempatan akan terus dipengaruhi oleh perkembangan luaran. Bagi Dana, purata pulangan tahunan menurun sebanyak 2.98%, berprestasi lebih baik sebanyak +7.26%. Saham utama dalam portfolio seperti Top Glove, Supermax, Dialog, Tencent dan Ali Baba menyumbang kepada prestasi menyeluruh dana.

Pasaran Malaysia kekal lebih berdaya tahan berbanding rakan ASEAN lain untuk tahun 2020. Antara sebabnya termasuklah kejayaan awal dalam mengekang gelombang pertama COVID-19 dan usaha proaktif oleh bank pusat untuk melindungi kualiti aset bank, yang merupakan sektor terbesar dalam indeks, dibantu oleh pakej rangsangan kerajaan. Pasaran Malaysia juga bertahan dengan lebih baik berikutan adanya sektor-sektor khusus seperti sarung tangan getah yang mendapat manfaat daripada dinamik permintaan-penawaran yang sangat baik semasa pandemik ini.

Dana akan terus melabur dalam syarikat yang dapat menawarkan prospek pertumbuhan pendapatan dengan kunci kira-kira yang mantap yang akan mengungguli pasaran yang lebih luas.

**Pada 30 Jun 2020**

**Perubahan harga, pengiraan diindekskan**



## Prestasi Dana Sebanding

Bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2020

### DANA HLA VENTURE GROWTH

Prestasi dana					
	2020	2019	2018	2017	2016
Jumlah NAB (RM'000)	378,195	393,080	373,364	400,866	344,180
Bilangan unit ('000)	173,626	175,099	176,734	178,328	177,558
NAB seunit (RM)	2.178	2.245	2.113	2.248	1.938
NAB seunit tertinggi sepanjang tahun kewangan (RM)	2.309	2.267	2.523	2.264	2.071
NAB seunit terendah sepanjang tahun kewangan (RM)	1.742	1.989	2.102	1.937	1.777
Jumlah pulangan tahunan - pertumbuhan modal	-2.98%	6.25%	-6.01%	16.00%	-5.19%
Purata pulangan tahunan					
- 1 tahun	-2.98%	6.25%	-6.01%	16.00%	-5.19%
- 3 tahun	-1.04%	5.28%	1.13%	0.50%	-4.17%
- 5 tahun	1.31%	0.27%	0.50%	4.84%	0.94%
Pretasi indeks penanda aras yang berkaitan (FBMKLCI)					
- 1 tahun	-10.24%	-1.15%	-4.09%	6.63%	-3.08%
- 3 tahun	-4.97%	0.36%	-0.30%	-2.11%	-2.25%
- 5 tahun	-2.41%	-2.24%	-0.93%	2.06%	0.95%

Kategori pelaburan					
	Wajaran %				
	2020	2019	2018	2017	2016
Ekuiti disebut harga	93.90	91.88	81.56	90.83	71.27
Unit amanah dan amanah pelaburan hartanah ("REIT") disebut harga	-	-	-	-	0.63
Aset-aset derivatif	0.13	0.03	-	-	0.06
Tunai dan setara tunai	5.84	8.77	19.77	10.18	27.61
Lain-lain	0.13	(0.68)	(1.33)	(1.01)	0.43
<b>Jumlah</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>

## Prestasi Dana Sebanding

Bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2020

### DANA HLA VENTURE GROWTH

Komposisi equiti disebut harga mengikut sektor					
	Wajaran %				
	2020	2019	2018	2017	2016
Pembinaan	3.30	4.10	3.16	15.39	15.56
Produk & perkhidmatan pengguna	8.03	10.76	13.14	10.71	11.97
Tenaga	8.26	12.83	12.88	8.72	8.69
Perkhidmatan kewangan	19.74	20.48	22.23	17.87	17.19
Penjagaan kesihatan	12.08	2.89	1.20	1.16	-
Produk & perkhidmatan industri	5.24	6.30	6.81	6.23	7.33
Infrastruktur	-	-	0.99	-	-
Perkilangan	-	-	-	0.64	-
Perladangan	2.84	2.73	3.51	4.59	6.40
Hartanah	2.25	5.88	3.58	2.40	4.05
Teknologi	17.26	10.65	7.73	10.01	4.77
Telekomunikasi & media	6.53	7.19	7.76	6.88	8.65
Perdagangan/perkhidmatan	7.02	7.73	7.83	5.41	2.31
Pengangkutan & logistik	-	-	-	1.52	3.26
Utiliti	7.45	8.46	9.18	8.47	9.82
<b>Jumlah</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>

# Prestasi Dana Sebanding

Bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2020

## DANA HLA VENTURE BLUE CHIP

Bagi tempoh kewangan di bawah semakan, Dana menurun sebanyak 3.36%, mengatasi penanda aras FBMKLCI yang menurun sebanyak 10.24%. Prestasi lebih tinggi sebanyak +6.88% disebabkan terutamanya oleh pemilihan saham dan komposisi dana. Saham utama dalam portfolio seperti Top Glove, Supermax, Tencent dan Ali Baba menyumbang kepada prestasi menyeluruh dana.


Walaupun terdapat aliran berita yang menggalakkan dalam perkembangan pembangunan vaksin, COVID-19 masih belum terkawal dengan kes-kes baharu terus mendesak bilangan kes ke tahap tinggi baharu. Pasaran menjangkakan vaksin akan tersedia pada pertengahan 2021 dan akan dikomersialkan secara beransur-ansur. Permintaan sarung tangan akan tetap kukuh menjelang musim demam selesema, selain situasi COVID yang belum selesai. Kami akan terus memegang pelaburan kami dalam pengusaha sarung tangan.

Secara umum kami juga menggemari sektor teknologi. Indeks ekuiti serantau telah berubah dengan ketara, didorong oleh kenaikan ekonomi digital. Sektor internet di Asia telah memberikan pulangan yang besar berbanding sektor lain dan kami mencerminkan ini melalui pegangan utama kami dalam Ali Baba dan Tencent.

Secara purata untuk tempoh di bawah semakan, Dana dilaburkan 85% dalam ekuiti. Dana menambah ekuiti asing sekitar 15% di Hong Kong untuk mempelbagaikan portfolio. Melangkah ke hadapan, tumpuan masih akan diberikan kepada saham berhasil tinggi yang cair dengan kunci kira-kira yang mantap dan pengurusan yang terbukti.

### Pada 30 Jun 2020

#### Perubahan harga, pengiraan diindekskan





## Prestasi Dana Sebanding

Bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2020

### DANA HLA VENTURE BLUE CHIP

<b>Prestasi dana</b>					
	<b>2020</b>	<b>2019</b>	<b>2018</b>	<b>2017</b>	<b>2016</b>
Jumlah NAB (RM'000)	303,027	253,827	207,551	205,498	172,834
Bilangan unit ('000)	123,851	100,233	87,083	80,542	77,936
NAB seunit (RM)	2.447	2.532	2.383	2.551	2.218
NAB seunit tertinggi sepanjang tahun kewangan (RM)	2.602	2.548	2.825	2.596	2.372
NAB seunit terendah sepanjang tahun kewangan (RM)	1.977	2.260	2.369	2.222	2.098
Jumlah pulangan tahunan - pertumbuhan modal	-3.36%	6.25%	-6.59%	15.01%	-5.46%
Purata pulangan tahunan					
- 1 tahun	-3.36%	6.25%	-6.59%	15.01%	-5.46%
- 3 tahun	-1.36%	4.72%	0.53%	1.12%	1.05%
- 5 tahun	0.86%	0.52%	2.25%	7.67%	4.72%
Pretasi indeks penanda aras yang berkaitan (FBMKLCI)					
- 1 tahun	-10.24%	-1.15%	-4.09%	6.63%	-3.08%
- 3 tahun	-4.97%	0.36%	-0.30%	-2.11%	-2.25%
- 5 tahun	-2.41%	-2.24%	-0.93%	2.06%	0.95%

<b>Kategori pelaburan</b>					
	Wajaran %				
	<b>2020</b>	<b>2019</b>	<b>2018</b>	<b>2017</b>	<b>2016</b>
Ekuiti disebut harga	88.41	85.73	79.86	85.63	67.43
Unit amanah dan amanah ("REIT") disebut harga	2.85	2.18	1.08	1.19	8.92
Aset-aset derivatif	0.14	0.03	-	-	0.02
Tunai dan setara tunai	8.85	12.74	18.54	14.19	24.78
Lain-lain	(0.25)	(0.68)	0.52	(1.01)	(1.15)
<b>Jumlah</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>

## Prestasi Dana Sebanding

Bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2020

### DANA HLA VENTURE BLUE CHIP

Komposisi equiti disebut harga mengikut sektor					
	Wajaran %				
	2020	2019	2018	2017	2016
Pembinaan	2.90	4.09	2.96	14.71	11.86
Produk & perkhidmatan pengguna	6.70	9.76	12.72	9.90	9.17
Tenaga	7.23	12.78	10.43	8.47	12.01
Perkhidmatan kewangan	21.55	24.72	26.95	20.21	15.21
Penjagaan kesihatan	14.27	3.17	1.16	1.24	-
Produk & perkhidmatan industri	4.40	6.59	7.82	6.36	6.99
Infrastruktur	-	-	1.03	-	-
Perkilangan	-	-	-	0.57	-
Perladangan	1.50	0.91	2.40	3.79	6.69
Hartanah	2.98	5.78	4.05	3.96	6.68
Teknologi	18.42	9.61	7.19	7.99	2.81
Telekomunikasi & media	5.71	6.69	8.09	7.67	7.66
Perdagangan/perkhidmatan	6.17	7.60	6.82	4.03	4.56
Pengangkutan & logistik	-	-	-	2.84	5.73
Utiliti	8.17	8.30	8.38	8.26	10.63
<b>Jumlah</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>

# Prestasi Dana Sebanding

Bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2020

## HLA VENTURE DANA PUTRA


Bagi tempoh kewangan di bawah semakan, Dana jatuh sebanyak 3.66% berbanding penurunan 0.77% pada penanda aras indeks Syariah FBM yang mengakibatkan prestasi rendah pada -2.89%. Penjejas utama dalam portfolio adalah BIMB, Axiata dan Petronas Chemical. Tiga penurunan kadar berturut-turut pada akhir tahun kewangan dan jangkaan penurunan kadar 25bps lagi kepada 1.75% pada bulan Julai oleh Bank Negara telah merosot prestasi bank (BIMB). Pemotongan kadar menyukarkan margin kerana ketidakcocokan harga pada masa. Mengurangkan kos kredit juga harus merangsang ekonomi dan mengurangkan risiko kualiti aset.

Secara purata bagi tempoh di bawah semakan, Dana dilaburkan sebanyak 85%. Kami telah meningkatkan wajaran ekuiti secara berperingkat kerana kami merasakan rali kecairan di pasaran dapat dikekalkan. Kami telah menggunakan pendekatan barbell untuk pembinaan portfolio dengan menambahkan beta dan defensif pada portfolio.

Melangkah ke depan, Dana akan terus melabur dalam syarikat berkualiti baik yang dapat menawarkan pertumbuhan perolehan dengan pengurusan modal yang mantap.

**Pada 30 Jun 2020**

**Perubahan harga, pengiraan diindekskan**



## Prestasi Dana Sebanding

Bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2020

### HLA VENTURE DANA PUTRA

<b>Prestasi dana</b>					
	<b>2020</b>	<b>2019</b>	<b>2018</b>	<b>2017</b>	<b>2016</b>
Jumlah NAB (RM'000)	91,034	78,577	67,937	68,370	56,643
Bilangan unit ('000)	37,977	31,588	27,590	26,313	24,810
NAB seunit (RM)	2.397	2.488	2.462	2.598	2.283
NAB seunit tertinggi sepanjang tahun kewangan (RM)	2.562	2.583	2.892	2.646	2.456
NAB seunit terendah sepanjang tahun kewangan (RM)	1.820	2.231	2.440	2.278	2.196
Jumlah pulangan tahunan - pertumbuhan modal	-3.66%	1.06%	-5.23%	13.80%	-4.68%
Purata pulangan tahunan					
- 1 tahun	-3.66%	1.06%	-5.23%	13.80%	-4.68%
- 3 tahun	-2.58%	2.99%	0.93%	0.19%	0.88%
- 5 tahun	0.02%	-0.74%	2.22%	7.79%	3.97%
Pretasi indeks penanda aras yang berkaitan (FBMEmas Shariah)					
- 1 tahun	-0.77%	0.33%	-5.69%	5.94%	-0.87%
- 3 tahun	-2.04%	0.08%	-0.32%	-1.41%	-0.52%
- 5 tahun	-0.28%	-1.87%	-0.33%	3.31%	3.01%

<b>Kategori pelaburan</b>					
	<b>Wajaran %</b>				
	<b>2020</b>	<b>2019</b>	<b>2018</b>	<b>2017</b>	<b>2016</b>
Ekuiti disebut harga	83.77	88.34	69.55	88.54	70.43
Unit amanah dan amanah ("REIT") disebut harga	1.42	-	-	1.35	-
Tunai dan setara tunai	15.59	12.34	31.46	11.02	26.94
Lain-lain	(0.78)	(0.68)	(1.01)	(0.91)	2.63
<b>Jumlah</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>

## Prestasi Dana Sebanding

Bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2020

### HLA VENTURE DANA PUTRA

Komposisi equiti disebut harga mengikut sektor					
	Wajaran %				
	2020	2019	2018	2017	2016
Pembinaan	6.80	6.83	7.81	18.97	12.90
Produk & perkhidmatan pengguna	11.43	15.09	18.61	15.53	18.32
Tenaga	8.12	14.20	11.58	7.30	4.98
Perkhidmatan kewangan	3.84	5.41	2.53	2.25	-
Penjagaan kesihatan	17.32	4.25	1.81	1.80	-
Produk & perkhidmatan industri	14.05	11.46	11.62	14.88	7.90
Perladangan	5.75	7.20	8.92	5.96	11.44
Hartanah	2.02	4.90	6.29	5.84	10.20
Teknologi	13.41	14.14	12.79	6.44	7.91
Telekomunikasi & media	5.97	6.19	6.45	7.66	10.48
Perdagangan/perkhidmatan	-	-	-	3.02	3.00
Pengangkutan & logistik	-	-	-	1.37	-
Utiliti	11.29	10.33	11.59	8.98	12.87
<b>Jumlah</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>

# Prestasi Dana Sebanding

Bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2020

## DANA HLA VENTURE INCOME


Bagi tempoh kewangan di bawah semakan, Dana meningkat sebanyak 9.67% berbanding dengan pulangan penanda aras 2.61% (kadar Deposit Tetap 3-bulan Maybank dikompaunkan) yang menunjukkan prestasi lebih baik sebanyak +7.06%. Prestasi lebih tinggi terutama disebabkan oleh pulangan modal yang dihasilkan daripada strategi perdagangan aktif Dana dalam aset berisiko rendah sambil melabur dalam bon korporat sebagai pegangan teras untuk hasil kupon yang diterima.

Sentimen risiko terus menjadi pemacu utama hala tuju hasil bon tempatan, sementara tinjauan kadar faedah akan membentuk keluk hasil yang curam. Sehingga kini, prestasi baik seperti yang dilihat daripada pasaran bon tempatan adalah hasil daripada penurunan kadar yang agresif oleh BNM yang mendesak Kadar Dasar Semalaman ("OPR") ke tahap rendah. Kami tidak menjangkakan prestasi seperti itu akan berulang pada separuh tahun kedua 2020 kerana kadar dasar dijangka kekal pada tahap semasa; arah perubahan seterusnya bagi OPR ialah untuk semakan semula menjadi lebih tinggi setelah ekonomi pulih daripada kejatuhan Covid-19 dalam 6 hingga 12 bulan akan datang. Risiko peristiwa utama terhadap pasaran bon Malaysia seperti tinjauan tahunan FTSE Russell mengenai potensi Malaysia hilang kelayakan daripada Indeks Bon Kerajaan Sedunia ("WGBI"), keputusan yang tidak menentu daripada persaingan AS-China dan landskap politik tempatan tidak boleh dipandang ringan.

Melangkah ke depan, kami akan terus proaktif dalam menguruskan Dana ini dengan memanfaatkan sebarang kelemahan keluk (hasil bergerak lebih tinggi) untuk mengunci hasil yang menarik yang sesuai dengan pandangan jangka panjang kami.

**Pada 30 Jun 2020**

**Perubahan harga, pengiraan diindekskan**



## Prestasi Dana Sebanding

Bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2020

### DANA HLA VENTURE INCOME

<b>Prestasi dana</b>					
	<b>2020</b>	<b>2019</b>	<b>2018</b>	<b>2017</b>	<b>2016</b>
Jumlah NAB (RM'000)	297,575	182,234	141,720	125,493	114,691
Bilangan unit ('000)	110,680	74,322	62,160	57,162	54,673
NAB seunit (RM)	2.689	2.452	2.280	2.195	2.098
NAB seunit tertinggi sepanjang tahun kewangan (RM)	2.689	2.449	2.280	2.195	2.097
NAB seunit terendah sepanjang tahun kewangan (RM)	2.450	2.279	2.196	2.096	1.979
Jumlah pulangan tahunan - pertumbuhan modal	9.67%	7.54%	3.87%	4.62%	6.01%
Purata pulangan tahunan					
- 1 tahun	9.67%	7.54%	3.87%	4.62%	6.01%
- 3 tahun	7.50%	5.62%	5.07%	5.88%	5.71%
- 5 tahun	7.18%	6.28%	5.50%	6.26%	6.35%
Pretasi indeks penanda aras yang berkaitan (3-Bln Simpanan Tetap)					
- 1 tahun	2.61%	3.17%	3.13%	3.03%	3.25%
- 3 tahun	3.06%	3.21%	3.24%	3.28%	3.31%
- 5 tahun	3.23%	3.37%	3.36%	3.35%	3.36%

<b>Kategori pelaburan</b>					
	Wajaran %				
	<b>2020</b>	<b>2019</b>	<b>2018</b>	<b>2017</b>	<b>2016</b>
Sekuriti Kerajaan Malaysia dan Kertas Cagamas	28.07	37.97	8.81	7.99	-
Sekuriti hutang tidak disebut harga	39.18	55.06	77.88	87.45	89.10
Aset-aset derivatif	-	-	-	-	0.51
Tunai dan setara tunai	39.14	6.30	9.20	4.04	10.33
Lain-lain	(6.39)	0.67	4.11	0.52	0.06
<b>Jumlah</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>

# Prestasi Dana Sebanding

Bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2020

## DANA HLA VENTURE MANAGED

Bagi tempoh kewangan di bawah semakan, Dana meningkat sebanyak 0.46%, mengatasi indeks penanda aras (50% kadar Deposit Tetap 3 bulan Maybank 3 dikompaunkan + 50% FBMKLCI) yang menurun sebanyak 4.17%, sebanyak +4.63%. Pada akhir tempoh di bawah semakan, Dana mempunyai 46.96% dalam ekuiti. Pasaran ekuiti terus ditentukan oleh hubungan perdagangan AS-China dan perkembangan COVID-19.


Prospek COVID-19 kekal tidak menentu dan risiko gelombang jangkitan berikutnya masih wujud ketika ekonomi dibuka semula. Sehingga penyelesaian perubatan ditemui, aktiviti ekonomi berkemungkinan akan terus berada di bawah standard kerana beberapa langkah penjarakan sosial akan dikekalkan. Kemerosotan ekonomi yang teruk sehingga mendorong pembuat dasar melaksanakan sokongan kewangan dan fiskal yang belum pernah terjadi sebelumnya, membantu menstabilkan pasaran kredit dan petunjuk tekanan utama. Langkah berasaskan dasar ini akan berterusan dalam masa terdekat.

Pada akhir tahun kewangan Dana melabur 42.40% dalam pendapatan tetap khususnya bon korporat yang menawarkan hasil yang lebih baik yang menambahkan pendapatan stabil ke dalam Dana. Pengurus juga berdagang terutamanya dalam MGS apabila terdapat peluang arbitraj untuk meningkatkan prestasi.

Melangkah ke hadapan, kami cenderung mengekalkan tahap peruntukan aset semasa. Di samping itu, kami akan terus menambahkan MGS dan bon korporat berkualiti melalui terbitan utama untuk meningkatkan hasil portfolio.

**Pada 30 Jun 2020**

**Perubahan harga, pengiraan diindekskan**





## Prestasi Dana Sebanding

Bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2020

### DANA HLA VENTURE MANAGED

<b>Prestasi dana</b>					
	<b>2020</b>	<b>2019</b>	<b>2018</b>	<b>2017</b>	<b>2016</b>
Jumlah NAB (RM'000)	264,221	252,600	218,198	209,538	166,542
Bilangan unit ('000)	122,253	117,460	106,332	98,936	86,803
NAB seunit (RM)	2.161	2.151	2.052	2.118	1.919
NAB seunit tertinggi sepanjang tahun kewangan (RM)	2.208	2.152	2.268	2.124	1.955
NAB seunit terendah sepanjang tahun kewangan (RM)	1.891	2.014	2.045	1.919	1.819
Jumlah pulangan tahunan - pertumbuhan modal	0.46%	4.82%	-3.12%	10.37%	0.89%
Purata pulangan tahunan - 1 tahun	0.46%	4.82%	-3.12%	10.37%	0.89%
- 3 tahun	0.68%	4.03%	2.63%	2.91%	0.93%
- 5 tahun	2.72%	2.08%	2.06%	5.13%	3.04%
Prestasi indeks penanda aras yang berkaitan (50%FBMKLCI + 50%Simpanan Tetap)					
- 1 tahun	-4.17%	0.88%	-0.90%	5.05%	-0.34%
- 3 tahun	-1.40%	1.67%	1.25%	0.06%	0.02%
- 5 tahun	0.06%	0.03%	0.84%	2.63%	1.98%

<b>Kategori pelaburan</b>					
	<b>Wajaran %</b>				
	<b>2020</b>	<b>2019</b>	<b>2018</b>	<b>2017</b>	<b>2016</b>
Ekuiti disebut harga	45.25	43.55	40.95	44.75	33.50
Unit amanah dan amanah ("REIT") disebut harga	1.57	1.46	0.56	0.56	2.02
Sekuriti Kerajaan Malaysia dan Kertas Cagamas	9.12	11.53	9.76	4.79	-
Sekuriti hutang tidak disebut harga	33.28	37.26	40.41	41.69	46.35
Aset-aset derivatif	0.03	-	-	-	0.19
Tunai dan setara tunai	11.65	6.08	5.27	8.38	17.87
Lain-lain	(0.90)	0.12	3.05	(0.17)	0.07
<b>Jumlah</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>

## Prestasi Dana Sebanding

Bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2020

### DANA HLA VENTURE MANAGED

Komposisi equiti disebut harga mengikut sektor					
	Wajaran %				
	2020	2019	2018	2017	2016
Pembinaan	4.19	3.52	2.69	18.40	18.25
Produk & perkhidmatan pengguna	7.67	11.20	15.37	10.48	11.18
Tenaga	7.33	11.97	8.92	7.02	6.67
Perkhidmatan kewangan	20.63	26.95	23.76	15.44	11.59
Penjagaan kesihatan	16.75	2.67	1.02	1.23	-
Produk & perkhidmatan industri	7.69	8.76	11.47	10.76	4.83
Perladangan	2.44	4.52	5.11	1.90	3.11
Hartanah	3.16	1.24	3.11	2.42	4.44
Teknologi	15.73	11.37	8.60	10.43	5.14
Telekomunikasi & media	5.01	6.48	7.43	7.11	10.90
Perdagangan/perkhidmatan	-	-	-	2.02	3.99
Pengangkutan & logistik	-	-	-	0.82	1.34
Utiliti	9.40	11.32	12.52	11.97	18.56
<b>Jumlah</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>

## Prestasi Dana Sebanding

Bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2020

### DANA HLA VENTURE GLOBAL

#### Ringkasan Prestasi Pelaburan

